

24/02/2002

Pasarakyat untungkan petani, pembeli

Azran Jaafar

BERMULA dengan meninjau-ninjau ruang untuk memasarkan hasil pertanian yang diusahakannya di kawasan seluas 40 hektar di Proton City, Tanjung Malim, Perak, Steve Wong akhirnya membuka sebuah ruang perniagaan sendiri.

Dan kini ruang perniagaan berkenaan yang dinamakan Pasarakyat bukan sahaja menjadi pangkalan memasarkan barangannya, tetapi turut memberi peluang kepada kira-kira 300 pengeluar untuk berkongsi tapak memasarkan produk mereka.

Baru dibuka bulan lalu, Pasarakyat yang terletak di Jalan Melati, Jalan Imbi di Kuala Lumpur, kira-kira sepelaung dari kawasan tumpuan ramai, persekitaran Bukit Bintang, ia menawarkan konsep perniagaan baru kepada petani dan juga pengguna.

Kepada petani atau pengeluar ia menjadi satu lagi medan untuk mereka meningkatkan pemasaran produk mereka manakala bagi pengguna ia adalah satu tempat di mana mereka boleh mendapatkan barangan keperluan dapur dengan harga berpatutan.

Dibangunkan di kawasan seluas empat hektar dengan perbelanjaan lebih RM10juta, di atas tanah yang sebelum ini adalah kuarters pegawai kerajaan, Pasarakyat adalah antara satu lagi cetusan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkara ini diakui sendiri oleh Wong, Pengarah Urusan Pasarakyat sewaktu ditemui baru-baru ini, dan menambah rekaan bangunan Pasarakyat turut mendapat sentuhan Perdana Menteri.

"Jika anda lihat, bangunan ini dibuat agak terbuka bagi proses aliran udara serta bentuk bumbung yang membolehkan cahaya matahari masuk untuk menerangi kawasan ini yang mana ini mengurangkan penggunaan elektrik untuk lampu dan juga alat pendingin hawa. Dengan reka bentuk sebegini saya menjimatkan bil elektrik sebanyak RM8,000 sebulan yang membolehkan saya menawarkan harga barangan dengan lebih baik kepada pengguna," katanya sambil menunjukkan atap lut cahaya yang mengisi hampir 40 peratus bumbung juga alat ventilasi yang menjadi sebahagian 'hiasan' bumbung.

Dengan reka bentuk sebegini lampu tidak perlu dipasang pada siang hari manakala alat ventilasi berkenaan membekalkan peredaran udara yang baik di samping memberikan suasana persekitaran yang nyaman.

Menurut Wong, cetusan ilham Perdana Menteri ini sebenarnya adalah untuk masyarakat dan apa yang saya boleh katakan beliau adalah seorang yang pintar.

Menceritakan pembabitannya dalam bidang ini Wong berkata, segalanya bermula apabila beliau bersama seorang tokoh korporat, Allahyarham Datuk Wan Adli Wan Ibrahim mengusahakan bidang pertanian di Tanjung Malim pada tahun 1998.

"Pada waktu itu saya bertindak sebagai 'petani hujung minggu' dan di samping mengerjakan kawasan berkenaan saya turut meninjau empat di mana saya boleh memasarkan barangan saya dan ini termasuklah di pasar borong. Apa yang saya dapati ia agak sukar. Usaha saya bukan setakat itu sahaja malah saya turut mendalami Dasar Pertanian Kebangsaan ketiga untuk melihat potensi bidang ini dan apa yang saya lakukan," katanya.

Daripada kesemua ini serta ilham daripada Perdana Menteri, Wong mengusahakan apa yang dilakukannya sekarang ini. Bagaimanapun kematian Wan Adli menyebabkan beliau terpaksa meneruskan usaha ini bersendirian.

Di bawah usaha pertanian itu Wong menubuhkan tiga syarikat iaitu Ladang Impian yang menjalankan pertanian sayuran dan buah-buahan seperti

kangkung, sawi, bayam, kacang panjang, petola, mangga dan limau manis; Rimba Lanskap yang mengusahakan perhutanan ladang serta Ladang Patriot.

Namun menurut Wong, Ladang Patriot kini hanya menjadi jenama untuk mendapatkan tanah di Johor bagi tujuan pertanian tidak terlaksana dan masih lagi mencari kawasan yang sesuai untuk tujuan ini.

Wong berkata, Perdana Menteri adalah orang yang kuat bekerja dan beliau gembira kerana dapat melaksanakan Pasarakyat seperti apa yang dirancang.

Menurutnya, kerja pembinaan Pasarakyat bermula pada 26 Jun 2001 dan siap pada 30 November dan pembukaannya dirasmikan oleh Perdana Menteri 31 Januari lalu.

Sejak dibuka Wong berkata, sambutan yang diterimanya amat menggalakkan dan pihaknya akan meningkatkan lagi usaha promosi untuk menarik pengunjung datang ke Pasarakyat.

Antara yang sedang 'menguasai' kepala Wong untuk dilaksanakan ialah pasar malam yang akan dibuka dalam masa beberapa bulan lagi serta mempamerkan kenderaan dan barangan lama yang pernah menjadi kegiatan harian penduduk negara ini.

"Apa yang akan anda nikmati di sini nanti adalah satu konsep yang membawa anda mengimbau nostalgia lama. Dengan pasar malam yang berlangsung anda akan dapat menikmati opera Cina serta anak-anak bermain di jip lama milik beberapa agensi kerajaan dan kereta bomba lama. Untuk menayaksikan opera beberapa bangku sudah saya sediakan manakala bagi kenderaan berkenaan beberapa pihak sudah berjanji untuk memberikannya kepada saya.

"Inilah nostalgianya, ialah sewaktu kecil dulu saya datang dari keluarga yang susah dan inilah antara permainan kami. Selain itu sepanjang kawasan berhampiran kaki lima juga sudah diletakkan dengan kayu landasan kereta api supaya dapat menjadi tempat duduk untuk orang ramai," kata Wong menunjukkan kesungguhannya bagi menjadikan Pasarakyat satu kawasan tarikan pelancong.

Tambah Wong, apa yang akan turut dilaksanakan bagi menambahkan prasarana yang ada ialah membina sebuah restoran makanan laut yang bahannya masih segar dan dibawa oleh pembekal yang memasarkan barangan mereka di Pasarakyat serta sebuah medan selera yang boleh memuatkan sehingga 2,000 orang.

Beliau berkata, segala apa yang dirancangkannya itu adalah untuk mewujudkan satu suasana yang ceria bagi kawasan berkenaan.

Untuk menambah keunikan Pasarakyat, Wong tidak menebang pokok-pokok lama yang memang sedia tumbuh bagi mewujudkan persekitaran yang redup dan kerana itu kawasan ini bukan saja dipenuhi pohon kenanga dan juga bodhi, malah beberapa batang pokok buah-buahan (kerana kawasan ini dahulunya adalah penempatan).

"Kami memang mementingkan persekitaran yang menarik kerana itu bila kontraktor yang membina longkang meminta kebenaran untuk menebang sebatang pokok kerana ia berada di laluan yang dicadangkan, saya mengatakan kepada kontraktor berkenaan alihkan laluan longkang berkenaan," katanya sambil menunjukkan laluan berkenaan yang pada bahagian permukaannya menampakkan akarnya yang memang sengaja dibiarkan sebegitu.

Sebagai tambahan, pokok-pokok besar ini ditambah dengan tumbuhan epifit seperti pokok langsuyar serta beberapa jenis paku-pakis yang diambil dari hutan.

Salah seorang yang turut mendapat limpahan nikmat daripada usaha yang dilakukan oleh Wong ini ialah penjual ikan, Md Fadzil Md Sauud, 50, bekas ketua bahagian kutipan di sebuah bank.

Beliau yang mendapat bekalan ikan dari Kuala Selangor, Kuala Perlis dan Kuala Kedah berkata sebelum ini beliau ada juga mengusahakan beberapa perniagaan lain, namun mendapati perniagaan ikan mampu memberikan

keuntungan yang baik.

Pengalaman sebagai juruaudit dan bekerja di bank bukan saja memberikan kefahaman kepada Md Fadzil dalam soal kewangan tetapi memperkenalkannya dengan beberapa orang yang terbabit dalam perusahaan perikanan.

"Ini memberikan saya peluang mendapatkan ikan yang lebih segar dan apa yang penting mampu menawarkan dengan harga yang lebih murah kepada pengguna," katanya yang menggaji tujuh pekerja.

Ditanya mengenai sambutan yang diterima sejak pembukaannya beliau berkata, amal menggalakkan dan menjangka dalam masa lima enam bulan lagi kawasan ini mampu menarik bilangan pengunjung yang lebih ramai.

(END)